

ANUGERAH FOTO KEWARTAWANAN HIJAU PULAU PINANG 2025

KELAYAKAN

1. Penyertaan terbuka kepada wartawan/ **jurugambar** yang berkhidmat dengan mana-mana organisasi media cetak dan media *online* yang beroperasi di Malaysia atau berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
2. Peserta boleh menghantar maksimum **TIGA** penyertaan, tetapi setiap **peserta HANYA layak untuk memenangi SATU (1) hadiah sahaja**.
3. Setiap penyertaan dibenarkan untuk mengemukakan satu/ gambar bersiri yang tidak melebihi lima imej.
4. Semua borang penyertaan hendaklah **disahkan** oleh **Ketua Pengarang** atau **wakil daripada organisasi**.
5. Semua karya haruslah dihantar sebelum atau pada **31hb Julai 2025**.
6. Pemenang akan diumumkan pada bulan **Oktober 2025** melalui Facebook Penang Green Council.

TERMA DAN SYARAT

1. Foto yang diambil hendaklah memberi penekanan kepada alam sekitar dan persekitaran yang mampan di Negeri Pulau Pinang, mendokumentasikan bagaimana faktor-faktor sosial, alam sekitar dan ekonomi mentransformasi masyarakat dan kehidupan manusia pada masa kini.
2. Foto harus menunjukkan perkara dan tempat kejadian dengan tepat. Gambar-gambar yang telah diubahsuai secara digital di luar standard pengoptimuman akan dibatalkan kelayakan.
3. Gambar-gambar yang dikemukakan mesti dalam Salinan PDF dan disertai bersama kapsyen, subjek imej, tarikh imej ditangkap dan nama jurugambar atau wartawan.
4. Semua karya kewartawanan hendaklah diterbitkan dalam mana-mana **akhbar**, **majalah**, **portal berita** organisasi media **dari 1hb Julai 2024 hingga 30hb Jun 2025**.
5. Semua peserta perlu mengemukakan salinan borang peraduan dan salinan imej ke penangpgc@gmail.com.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana terma dan syarat di atas jika terdapat pertikaian yang berkaitan dan/ atau membatalkan penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat di atas.
7. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD** dan sebarang pertanyaan/rayuan tidak akan dilayan.
8. Pihak penganjur berhak untuk memutuskan **TIADA** pemenang dan juga **TIDAK** memberi hadiah seperti yang disenaraikan di bawah.
9. Pihak penganjur berhak untuk mengganti atau menukarkan hadiah dengan hadiah lain yang bernilai komersial sama tanpa memberikan sebarang notis awal.

KRITERIA PEMARKAHAN

1. Setiap penyertaan akan dihakimi oleh panel hakim yang telah ditetapkan.
2. Penilaian dan penghakiman adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat-syarat dan format pertandingan seperti yang telah digariskan.
3. Perincian pemarkahan adalah seperti berikut:

Kriteria	Markah Penuh
Kesan visual	30
Nilai berita	30
Kecemerlangan teknikal	20
Tarikan umum	10
Ketulenan dan penyuntingan	10
Jumlah	100

HADIAH

- Johan : RM 1,200 dan Sijil Penghargaan
Naib Johan : RM 1,000.00 dan Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga : RM 800.00 dan Sijil Penghargaan

PELEPASAN TANGGUNGAN

1. Semua bahan penyertaan yang dihantar adalah hak milik pihak pengajur dan rakan sokongan. Pihak pengajur dan penaja berhak untuk menggunakan/ menerbitkan / menghasilkan semula / mempamerkan penyertaan tersebut dalam sebarang bentuk media atau medium, sama ada dalam atau luar negara tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu atau bayaran kepada peserta.
2. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap telah bersetuju dengan semua terma dan syarat serta bersetuju mengecualikan Penang Green Council dan penaja daripada mana-mana tuntutan undang-undang atau sebaliknya.

HUBUNGI KAMI:

Penang Green Council (PGC Strategies Sdn Bhd)
Tingkat 46, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang, Malaysia.
TEL: +604-250 3322/ FAX: +604-250 3323